

**PENGARUH PEMBELAJARAN AKADEMIK ANAK-ANAK KELUARGA FAKIR MISKIN DI SEKOLAH-SEKOLAH SELANGOR****\* Zuraidah Abdullah****Siti Nafisah Ismail****Salwati Shafee****Mohd Shahril Nizam Shararom****Muhammad Faizal A.Ghani**

Fakulti Pendidikan

Universiti Malaya

*\*zuraidahab@um.edu.my***ABSTRACT**

This study aims to identify factors affecting academic achievement of poor children in Malaysia. There are four main factors in this study, namely parents and family factors, teachers and school factors, friends and environment factors, and self-resilient factors. A total of 423 students were involved as respondents in this study. This quantitative research used survey method using a set of questionnaire for the purpose of data collection. Quantitative data was analyzed using SPSS version 23.0 and SEM Amos version 23.0. The results show that the overall factors affecting academic achievement of poor children are high level (mean score = 3.64, SD = 1.40). In addition, the findings also show that there is a significant influence between factors related to academic achievement for children from poor families ( $\chi^2$ ) = 409.3, TLI = 0.901, CFI = 0.925, RMSEA = 0.77, CMIN / DF = 3.5). Finally, it is hoped that the results of this study will have positive impact on student learning which could lead to improving their academic achievement.

**Keywords:** *learning influence, children from poor families*

**PENGENALAN**

Tahap pendidikan adalah salah satu faktor utama yang mempengaruhi pendapatan keluarga pada hari ini. Malah, terdapat teori yang mengatakan terdapat perhubungan antara kemiskinan dengan pendidikan. Menurut Awang Had Salleh, kemiskinan boleh menyebabkan pencapaian pendidikan rendah dan seterusnya menyebabkan kemiskinan diwariskan daripada ibu bapa kepada anak-anak. Pendidikan ibu bapa yang rendah cenderung menyebabkan pencapaian pendidikan turut rendah dalam kalangan anak mereka. Ogburn (1964) menegaskan bahawa pembangunan keluarga berhubung rapat dengan pendidikan. Kanak-kanak daripada keluarga yang berpendapatan rendah ini sering dikatakan ketinggalan dalam memulakan pembelajaran mereka di sekolah jika dibandingkan dengan rakan sebaya mereka yang datang daripada latar belakang keluarga yang berada atau kaya (Loh, A. 2004; Zulkifli et.al., 2011; Hassan, & Rasiah, 2011). Banyak dapatan kajian luar negara mengakui bahawa kemiskinan sesebuah keluarga mempengaruhi pencapaian pendidikan anak-anak dan telah menjadi kebimbangan pihak kerajaan secara berterusan. Justeru, peranan pendidikan perlu dikaji dari semasa ke semasa dan memberi fokus terhadap ilmu yang dipelajari agar dapat menyediakan mereka dengan kerjaya pada masa depan.

Justeru, sekolah adalah satu institusi yang mencerminkan kemampuan anak-anak untuk berjaya baik secara akademik maupun sosial. Sebagaimana yang diketahui umum sekolah dianggap sebagai

institusi yang dapat menyediakan pembangunan anak-anak yang bersesuaian dengan umur mereka dari segi i) emosi dan pendekatan positif terhadap pengalaman baharu (Sears, et. al, 1957), ii) pengetahuan sosial dan kecekapan sosial (Berg, n.d.; Chamhuri Siwar 2009), iii) kemahiran bahasa dan pengetahuan umum (Labov, 1973) dan seterusnya iv) kemahiran kognitif. Walau bagaimanapun, faktor guru dan sekolah, faktor rakan dan faktor persekitaran juga mempengaruhi interaksi antara murid dan guru dalam kelas sehingga dapat menyumbang kepada pembelajaran anak-anak miskin ini di sekolah. Ini dikaitkan dengan hasil dapatan kajian yang telah menunjukkan bahawa sekolah pada hari ini tidak berjaya menarik minat kesediaan anak-anak miskin ini kerana terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi kehidupan mereka di rumah yang berkaitan dengan komunikasi ibu bapa, motivasi untuk berjaya dalam pelajaran, sokongan ibu bapa dengan penyediaan keperluan belajar dan faktor ketahanan diri anak-anak miskin ini terhadap pembelajaran dan sekolah.

Menurut Rohaty (2003), peranan keterlibatan ibu bapa dalam membentuk anak-anak yang berpendidikan adalah amat penting bagi melahirkan generasi yang mempunyai matlamat dan sentiasa merebut peluang pendidikan yang diberikan untuk membina masa depan yang cemerlang. Masalah dan kekangan utama anak-anak miskin ini adalah untuk mendapatkan pendidikan sempurna bukan disebabkan mereka tidak mempunyai wang yang cukup tetapi disebabkan oleh kurangnya penglibatan dan perhatian ibubapa mereka dalam aktiviti pembelajaran serta aktiviti sosial mereka di rumah (Zukina, 2003). Menurut Zulkifli et.al, (2011), sebahagian besar masa anak-anak adalah bersama dengan ibu bapa dan malah Rohner, Ronald dan Veneziano, (2001) ibu bapa merupakan individu yang paling hampir dengan anak-anak dan mereka yang mencorakkan perkembangan peribadi anak-anak dari peringkat kelahiran sehingga ke peringkat dewasa ini boleh mempengaruhi pendidikan anak-anak fakir miskin di negeri Selangor.

## PENYATAAN MASALAH

Pendidikan melibatkan idea-idea dan aktiviti-aktiviti yang praktikal. Manusia dari pelbagai lapisan masyarakat mementingkan pendidikan sebagai cara mempertingkatkan mutu pengetahuan dan kemahiran seseorang. Pendidikan juga tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan murid. Bagaimanapun pencapaian akademik murid adalah berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor (Zuraidah, 2010). Latar belakang anak-anak ini adalah faktor yang disebut sebagai pengaruh utama mereka tidak mencapai matlamat dalam pendidikan. Banyak kajian menunjukkan bahawa matlamat dalam pendidikan bukan sahaja dipengaruhi oleh budaya dan masyarakat yang melengungi keluarga tetapi juga faktor pendapatan keluarga serta penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di rumah (Atkinson, Marlier, Montaigne,& Reinstadler, 2010; Ellington, 2011; Zarina & Rozumah, 2011; Main, 2014).

Secara umumnya, terdapat pelbagai bentuk halangan yang membantutkan matlamat mereka terhadap pendidikan. Kebanyakan pengkaji berpendapat bahawa keciciran pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar adalah akibat daripada faktor kemiskinan keluarga (Nath et al., 1999, Bao Chuanyou, 2006 & Todaro, 2003). Keadaan ini mendorong kepada wujudnya jurang perbezaan antara masyarakat di luar bandar dan di bandar terutama dalam aspek tahap pendidikan yang diterima. Di Malaysia, keputusan peperiksaan awam pada tahun 2009 iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) mendapati bahawa masih wujud jurang perbezaan yang ketara antara sekolah dalam bandar dan luar bandar. Di China misalnya, masalah perbezaan jurang pendidikan antara masyarakat bandar dan luar bandar memang sudah berlaku. Bao Chuanyou (2006), berpendapat bahawa jurang perbezaan pendidikan masyarakat bandar dan luar bandar dalam masyarakat di China adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu (i) perbezaan dari sudut keadaan dan suasana persekitaran sekolah bagi lokasi di luar bandar dan bandar dan (ii) perbezaan dari segi peluang kemasukan murid dalam persekolahan antara kawasan di luar bandar dan bandar. Ternyata bahawa pendidikan yang dimiliki oleh seseorang

individu mampu mengurangkan ketidak seimbangan pendapatan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan (Todaro, 2003). Ini menunjukkan terdapatnya hubung kait yang positif antara taraf pendidikan dengan perolehan pendapatan sepanjang hayat.

Walau bagaimanapun, program-program pendidikan merupakan elemen yang paling penting dilihat boleh mengubah status sosial anak-anak fakir miskin ini ke tahap yang lebih baik (Abd. Halim et. al. 2005). Namun begitu, anak-anak fakir miskin yang ditemui tidak seronok ke sekolah dan mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah. Kajian ini telah menyatakan kemiskinan keluarga dan kekurangan pendidikan dalam kalangan ibu bapa telah menyumbang kepada kepercayaan anak-anak fakir miskin ini mencapai cita-cita mereka kerana kekangan ekonomi. Bukan itu sahaja, ibubapa mereka berasa anak-anak mereka tiada harapan yang tinggi dan ini terus mempengaruhi penglibatan mereka dalam proses pembelajaran anak-anak di rumah. Misalnya kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat, data dari *National Assessment for Educational Progress* (NAEP) menunjukkan murid-murid daripada golongan sosio ekonomi rendah menghadapi masalah pencapaian dalam mata pelajaran utama seperti Matematik dan Sains.

Selain itu, murid miskin juga dianggap berada dalam kerugian disebabkan oleh gaya hidup mereka (Bracey, 2003). Pertamanya, ibu bapa mereka kurang berkomunikasi dengan anak-anak mereka berbanding murid dari golongan lebih berada. Bukan itu sahaja, kesediaan ibu bapa meluangkan masa untuk anak-anak juga adalah rendah. Terdapat ibu bapa kurang memperuntukkan masa untuk bersama-sama dengan anak-anak mereka. Hasil kajian Ramos, L., Sanchez, A. R. (1995) menunjukkan sebahagian besar anak-anak tidak pasti sama ada ibu bapa mereka berusaha meluangkan masa untuk mereka ataupun tidak kerana ia telah menjadi kelaziman dan sehinggakan perhatian dan masa untuk bersama ibu bapa bukan satu keperluan bagi mereka. Walaupun berpeluang untuk berbincang, bergurau senda dan makan bersama dengan kedua ibu bapa, namun didapati mereka kurang berkesempatan atau berpeluang untuk menyatakan tentang permasalahan diri mereka kepada ibu bapa.

Sekolah dan guru sering dipersalahkan untuk pencapaian murid yang rendah. Para guru difahamkan merasa tertekan dengan rangkaian masalah kompleks yang dihadapi oleh murid di kebanyakan sekolah. Dalam usaha untuk membantu para guru menghadapi cabaran seperti ini, penyelidik cuba mengenalpasti beberapa faktor yang menggalakkan perkembangan dan pembelajaran yang sihat dikalangan remaja walaupun berada dalam keadaan yang sukar. Mereka sedang belajar bagaimana keluarga, para guru, sekolah dan komuniti boleh menggalakkan ketahanan diri agar remaja boleh menghadapi kesukaran dan seterusnya menjadi lebih baik dan kompeten daripada sebelumnya serta dapat memenuhi impian dan harapan seterusnya memberi faedah kepada seluruh masyarakat dan negara. Selari dengan saranan Jew, Green dan Kroger (2006), beberapa faktor lain perlu juga dikaji untuk melihat bagaimana sikap kanak-kanak fakir miskin ini boleh meningkat melalui pembinaan satu model yang holistik. Impak peningkatan pada sikap anak-anak fakir miskin ini akan membantu untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi akademik mereka.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia dan mengenal pasti pengaruh yang signifikan antara faktor-faktor.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia.
2. Mengenal pasti pengaruh yang signifikan antara faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia.

## SOROTAN KAJIAN LAMPAU

Bahagian ini membincangkan aspek berikut:

Pencapaian akademik seringkali menjadi kayu ukur masyarakat dalam penentuan kejayaan murid dan menjadi kriteria utama dalam menentukan kemajuan pembelajaran seseorang itu. Terdapat pelbagai faktor menyumbang kepada keciciran pelajaran dalam kalangan murid keluarga fakir miskin. Antaranya adalah faktor ibu bapa, keluarga, guru, persekitaran, rakan sebaya dan diri murid itu sendiri (Halmi Ramlil, 2005).

### *Faktor Ibu Bapa Dan Keluarga*

Ibu bapa merupakan model kepada anak-anak, sentiasa memberikan nasihat dalam bidang pendidikan, terutama melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi (Clark, R. F. 2002). Pendidikan awal anak-anak adalah bermula di rumah, sokongan dan dorongan keluarga menjadi asas kepada kejayaan murid di sekolah dan seterusnya. Selari dengan pernyataan tersebut (Ab. Halim , Zuria & Safani; 2005) dan Mohd Fadzli, (2007) menyatakan bahawa keluarga ialah asas segala pendidikan yang kukuh bagi generasi muda. Menurut Morrison (1978) pengertian penglibatan ibu bapa yang komprehensif adalah proses aktualisasi daripada potensi ibu bapa, untuk membantu ibu bapa mencari kekuatan dan bakatnya serta menggunakan bagi diri mereka sendiri dan keluarga. Penglibatan ibu bapa seperti perbincangan, penjagaan dan komunikasi sangat menentukan pencapaian kanak-kanak dalam matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah (Houtenville dan Conway, 2008).

Penglibatan ibu bapa penting digalakkan kerana memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan sosial dan kejayaan akademik kanak-kanak. Ismail Ibrahim (2002) menyatakan bahawa ibu bapa mempunyai peranan yang amat penting dalam mencorakkan keperibadian anak-anak menerusi didikan yang sempurna dalam suasana yang harmoni sejak di peringkat bayi lagi hingga ke peringkat mereka memasuki alam universiti. Semuanya ini dapat diatasi dengan memberikan mereka asuhan yang betul, didikan yang sempurna, perhatian yang secukupnya dan lebih-lebih lagi kasih sayang terhadap anak-anak supaya anak-anak lebih rapat dengan ibu bapa mereka. Dengan ini, mereka akan meluahkan apa sahaja kemasukan yang menghantui mereka. Perkara ini penting dalam kehidupan anak-anak kerana mereka akan merasakan ada insan yang mengambil berat mengenai kehidupan mereka selama ini. Selain itu, jika kehidupan kekeluargaan sentiasa diberi perhatian terutamanya dikalangan ibu bapa, anak-anak berkenaan akan menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa seterusnya akan mendorong mereka untuk membala jasa yang telah dicurahkan.

Marchant, et al., (2001) dalam kajian mereka mendapati ibu bapa merupakan faktor dalam menggalakkan anak-anak mencuba. Ibu bapa yang mengambil tahu tentang keinginan dan cita-cita anak-anak, memberikannya perangsang dan sokongan terhadap apa yang dicita-citakan oleh anak mereka, lebih berjaya dalam muridan. Ibu bapa yang memastikan anak-anak mereka mempunyai masa yang terancang dengan memantau dan melihat apa yang anak-anak lakukan dalam masa mereka berada di rumah dan mewujudkan keadaan di rumah yang selesa untuk belajar tanpa ada banyak

gangguan memberi kesan ke atas pencapaian akademik anak. Knollman, et al., (2007) pula berpendapat bahawa para ibu bapa boleh membantu mempertingkatkan keupayaan anak-anak dalam menyelesaikan tugas di rumah dengan mengutamakan tugas anak, menunjukkan minat terhadap tugas anak, mengetahui tentang kehendak tugas anak, mengatur masa dan tempat belajar anak dan menyelesaikan tugas, mengawasi tugas harian anak serta menyemak tugas yang telah diselesaikan oleh anak.

Sementara Houtenville, et al. (2008) mengkaji penglibatan ibu bapa dalam mengawasi anak-anak. Dapatkan kajian mendapati anak-anak remaja mereka akan menyiapkan kerja rumah yang diberi mengikut jadual, pencapaian yang diperoleh dalam mata muridan tertentu meningkat dan lebih ramai para ibu bapa mengetahui apa yang anak-anak remaja mereka belajar dalam kelas. Selain itu, para ibu bapa juga tahu bagaimana untuk membuat pemantauan, menyokong dan berbincang dengan anak-anak semasa berada di rumah.

Sikap ibubapa terhadap pendidikan anak-anak penting dalam menentukan kejayaan mereka dalam akademik. Ibubapa yang bersikap positif akan dapat turut serta dalam aktiviti pembelajaran anak-anak dan menyediakan suasana pembelajaran yang selesa untuk anak-anak dirumah. Rohaty (2003) menyatakan ibubapa dari keluarga miskin di Malaysia kurang memperhatikan anak-anak di rumah. Keadaan di rumah kurang merangsangkan pembelajaran dipersekutaran mereka (Arnold, Zeljo & Doctoroff, 2008). Ibubapa yang sentiasa memberi dorongan dan aspirasi kepada anak-anak boleh memberi kesan yang baik terhadap perkembangan mereka dari segi mental dan fizikal (Zukina, 2003). Walaubagaimanapun, tidak semua ibubapa mampu memberikan rangsangan dan penglibatan yang positif kepada anak-anak kerana terdapat kekangan-kekangan yang tidak dapat dielakkan.

Sejauh mana pengaruh penglibatan ibubapa dalam pendidikan formal dan aktiviti luaran anak memberi kesan kepada anak-anak bergantung kepada keupayaan mereka untuk menghadapi dan menangani kekangan yang dihadapi. Sebagai contoh, kajian yang dilakukan oleh Mayhew dan Lempers (1998) mendapati dalam keluarga yang mengalami kekangan dari segi kewangan, ibubapa mereka kurang memberikan sokongan kepada anak. Kajian Mayhew dan Lempers (1998) selaras dengan pernyataan Noraini (1994) yang menyatakan anak-anak dari keluarga yang mempunyai status sosioekonomi yang tinggi adalah lebih maju dalam pembelajaran dan memperoleh gred pencapaian yang tinggi berbanding anak-anak dari keluarga yang mempunyai status ekonomi yang rendah. Ini adalah kerana dalam keadaan status sosioekonomi yang tinggi ibubapa mampu memberikan sokongan dan menyediakan kemudahan serta persekitaran yang selesa untuk belajar. Di dapat kekurangan sokongan dan kurangnya penglibatan ibubapa dalam pendidikan anak-anak mempunyai hubungan dengan tahap penghargaan kendiri yang rendah di kalangan anak. Berbeza dengan kajian oleh Fagen dan Cowen (1996) yang mendapati keluarga yang mengalami empat atau lebih kekangan hidup pula menunjukkan ibubapa lebih bersikap mesra dan mengambil berat manakala anak pula mempunyai imej diri dan kecekapan sosial yang tinggi.

Menurut Ernst (1990) pula ibubapa daripada status sosioekonomi yang rendah mempunyai jangkaan yang rendah terhadap anak dan memberikan hukuman kepada tingkah laku anak yang mendatangkan kesan untuk jangka masa yang pendek. Kebiasaan hukuman yang diberikan oleh ibubapa dari status sosioekonomi yang rendah tidak konsisten dan secara spontan. Kenyataan oleh Ernst (1990) ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Hashima dan Amato, (1994) yang mendapati ibubapa dari keluarga miskin memamerkan sikap kurang mendidik, kurang memberi perhatian terhadap perlakuan anak-anak dan tidak konsisten dalam mendisiplinkan anak. Mereka juga mengamalkan tingkah laku menghukum dan tidak memberikan sokongan kepada anak-anak.

Kajian oleh Zarinah dan Rozumah (2011), pula mendapati tingkah laku dan penglibatan ibubapa yang miskin dalam pendidikan anak-anak dipengaruhi juga oleh tahap pendidikan ibu bapa. Ibu bapa yang

berpendidikan tinggi kebiasaannya melihat hubungan anak sebagai dua hala, bersifat resiprokal (Dekovic & Gerris, 1992), banyak melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran anak dan mengamalkan komunikasi yang positif dan terbuka. Komunikasi yang terbuka membolehkan ibu bapa menunjukkan kasih sayang melalui sentuhan, kemesraan dan sokongan. Adalah menjadi fitrah manusia untuk disayangi dan menyayangi. Tanpa kasih sayang, seseorang itu mungkin menghadapi berbagai-bagai masalah emosi (Kamarudin, 1996). Justeru itu, ibu bapa perlu memmuridi bagaimana untuk menjadi seorang pendengar yang aktif dan juga mengsaiki keperluan dan permasalahan anak-anak mereka terutamanya dalam masalah pendidikan dan sosial anak-anak mereka (Rak & Patterson, 1996).

### ***Perspektif Teori Dan Bukti Empirikal Berdasarkan Pengaruh Persekutaran Keluarga Terhadap Pendidikan Anak-Anak***

Mengikut Alias (1989) tiga faktor yang mempengaruhi pembelajaran individu iaitu faktor latar belakang (persekitaran) keluarga, kebolehan dan sifat peribadi murid. Persekitaran adalah faktor luaran yang banyak mempengaruhi proses pembelajaran, manakala kebolehan pula lebih kepada kelebihan yang ada pada individu. Sifat peribadi yang menjurus ke arah kecemerlangan juga mempengaruhi pencapaian individu.

Calhoun dan Cocella (1990) menganggap keluarga sebagai satu institusi sosial yang mengandungi undang-undang dan peraturan yang ditunjukkan ke atas manusia. Manakala Hurlock (1973) pula menggambarkan keluarga sebagai asas permulaan dalam pembentukan masyarakat. Keluarga sering dikaitkan dengan ibu dan bapa yang bertindak sebagai pengawal kepada anak-anak. Ikatan pertalian darah antara ibu bapa dan anak-anak merupakan ikatan yang sangat rapat di mana anak-anak mendapatkan kasih sayang, perlindungan dan pembelaan. Anak-anak pula terikat dengan norma-norma yang telah ditetapkan oleh ibu bapa sehingga secara langsung peraturan-peraturan ini akan dapat mempengaruhi tingkah laku anak-anak apabila mereka meningkat dewasa.

Atan (1978) menyatakan bahawa antara faktor persekitaran yang mempengaruhi kanak-kanak ialah hubungan dalam keluarga, iaitu hubungan kanak-kanak dengan orang dewasa mempengaruhi penguasaan bahasanya. Kanak-kanak yang kurang mendapat kasih sayang dan tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapa akan merencatkan perkembangan bahasanya dan seterusnya akan mengakibatkan rendah pencapaian akademik mereka sekaligus menjadikan anak-anak ini anak yang terbiar.

Mengikut Baldwin & Baronski (1990) persekitaran keluarga merujuk kepada corak interaksi keseluruhan antara ahli-ahli dalam sesebuah keluarga, contohnya cara-cara yang digunakan oleh ibu bapa dalam membantu perkembangan pendidikan anak-anak. Corak interaksi ini merangkumi cara berkomunikasi dan layanan yang diberikan kepada anak-anak sepanjang masa sama ada di rumah atau di luar rumah.

Mengikut Teori Psikososial Erikson manusia berkembang mengikut pelan yang telah ditentukan atau dikenali dengan prinsip epigenetik. Beliau menekankan soal perkembangan ego dan bukannya id sebagai punca utama yang menggerakkan tingkah laku. Mengikut Erikson pada masa kanak-kanak berusia 6 hingga 11 tahun mereka memerlukan penghargaan daripada orang lain. Jika mereka sering dibandingkan dengan orang lain dan dianggap tidak berkebolehan ia akan memperkembangkan sifat rendah diri. Pada masa ini juga kanak-kanak mula berinteraksi dengan rakan sebaya dan dengan cara ini ia mula mengenali dirinya sendiri. Justeru faktor persekitaran memainkan peranan yang sangat mustahak dalam membentuk sifat dan tingkah laku kanak-kanak.

Bryant (1974) juga menekankan kepada pengaruh faktor latar belakang ke atas proses pembelajaran dan pendidikan murid. Beliau mengemukakan satu Model Proses Pendidikan yang menunjukkan

apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi proses pendidikan murid seperti mana yang ditekankan oleh Fatanah (1997) di mana pencapaian akademik mempunyai hubungan dengan orientasi intelektual, penekanan moral agama, organisasi keluarga dan kawalan keluarga.

Menurut Hannigge (1998) persekitaran keluarga yang baik mestilah tiada risiko, ibu bapa menggalakkan murid-murid mengulangkaji, menguji dan menyelesaikan masalah tanpa merasa takut jika mereka gagal. Cara anak-anak bermain dan bergaul dengan rakan sebaya juga boleh membentuk persekitaran yang tiada risiko. Peluang untuk bermain secara bebas atau had risiko dengan bahan-bahan sains boleh menjadikan murid-murid mempunyai keinginan dan bersedia untuk merima bermacam-macam keadaan. Keit (1991) mendapat penglibatan ibu bapa seperti menggalakkan anak-anak membuat kerja sekolah atau melibatkan diri dengan aktiviti pembelajaran di rumah, mempunyai kesan positif terhadap pencapaian akademik kanak-kanak.

### **Faktor Guru Dan Sekolah**

Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (1973) yang menjalankan kajian mengenai masalah keciciran murid, antara faktor keciciran yang membawa kepada masalah ponteng sekolah adalah dari segi sosio ekonomi murid dan keluarga. Ini kerana ekonomi keluarga yang miskin menyebabkan murid berasa malu dan terpinggir. Daripada faktor-faktor yang telah menjadi penyebab kepada masalah ponteng, maka faktor sekolah dari aspek pengajaran guru, kemudahan sekolah, penguatkuasaan disiplin dan kedudukan sekolah telah dikaji oleh ramai penyelidik.

Menurut Ee (1991) kegiatan melanggar salah laku disiplin bermula daripada cara pengajaran guru itu sendiri. Penjelasan yang kurang lengkap, mutu suara yang kurang baik, ketiadaan ketekalan guru dan iklim kelas kurang menggalakkan oleh guru adalah contoh cara pengajaran yang kurang berkesan. Mengikut beliau lagi kaedah pengajaran guru yang hanya menggunakan strategi yang sama dan berpusatkan guru sahaja, (di mana tidak melibatkan murid) mengakibatkan murid menjadi bosan dan kurang aktif. Akhirnya murid tersebut akan memilih jalan mudah dengan meminggirkan diri dari sistem pendidikan di sekolah.

Salah satu sifat penting yang perlu ada pada seseorang guru ialah menimbulkan minat murid terhadap pengajarannya (Atan, 1988). Menurut beliau lagi, pembelajaran di dalam bilik darjah akan berjaya sekiranya mempunyai tiga faktor yang saling berkait iaitu murid, pengajaran guru dan suasana bilik darjah. Faktor tersebut perlu dititikberatkan dalam pengurusan pembelajaran oleh guru-guru kerana ia bukan sahaja menjurus ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, malah ia juga dapat membendung masalah disiplin dalam kalangan murid itu sendiri.

Manakala Koh (1981) telah melaporkan bahawa guru-guru yang kurang pandai dalam teknik dan strategi mengajar murid adalah lebih cenderung mempunyai sikap negatif terhadap kebolehan dan pencapaian murid mereka. Sikap negatif ini boleh merendahkan lagi konsep diri serta harga diri murid yang kurang pandai. Ia seterusnya mengurangkan lagi minat dan keinginan murid untuk belajar seterusnya menjurus kepada masalah disiplin. Sikap negatif guru terhadap murid lemah ini akan lebih membawa masalah kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah pada masa akan datang.

Disiplin yang ketat dalam bentuk denda yang kejam dan sikap guru disiplin yang kasar boleh menyebabkan ketegangan emosi dalam kalangan murid. Seterusnya ia mendorong murid untuk ponteng sekolah. Penyataan ini juga disokong oleh laporan (Ee, 1992) bahawa guru yang gemar menghina murid-murid bermasalah ini akan menyebabkan murid-muridnya menjadi pasif, menarik diri serta tidak yakin menyertai aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Murid akan mudah tersinggung apabila dikritik atau ditegur di hadapan murid-murid yang lain. Menurut beliau lagi, guru hendaklah memanggil murid untuk memberitahu kelemahan-kelemahannya di tempat yang sesuai.

Di dalam bilik darjah, guru merupakan orang yang bertanggungjawab dalam menanam sikap dan minat terhadap pengajarannya. Sikap dan minat di antara seseorang murid adalah tidak sama, namun ianya boleh dibentuk oleh guru tersebut melalui pelbagai kaedah seperti penggunaan alat bantu mengajar, lawatan dan sebagainya. Guru perlu menimbulkan perasaan ingin tahu di dalam diri murid terhadap pengajarannya, dengan ini secara tidak langsung akan menimbulkan minat dalam diri murid tersebut dan tidak terfikir untuk melakukan salah laku ponteng sekolah. Dalam laporan oleh (Jersild, 1978) yang mengkaji perlakuan ponteng di kalangan murid sekolah menengah mendapati bahawa pengajaran guru memainkan peranan penting dalam menentukan kadar ponteng sekolah. Beliau yang mengkaji perlakuan ponteng di kalangan murid sekolah menengah mendapati bahawa pengajaran guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan kadar ponteng sekolah. Menurut Crow dan Crow (1980), guru sepatutnya dapat membimbing untuk mengerakkan muridnya untuk belajar, membantu murid membina sikap yang positif, memperbaiki teknik mengajar dan menambahbaik diri terhadap mutu pengajaran mereka. Guru seharusnya boleh memberi bimbingan dan bukannya arahan semata-mata ketika murid melakukan sesuatu aktiviti supaya murid merasakan ianya tidak terikat dengan hanya satu cara atau satu kaedah sahaja.

### ***Faktor Persekutaran Dan Rakan Sebaya***

Keadaan-keadaan yang tidak kondusif bagi murid untuk belajar ataupun berekreasi di rumah boleh menjadi faktor penolak untuk murid sering keluar rumah untuk melepak bersama rakan sebaya. Mereka tidak memberi masa kepada kegiatan-kegiatan rekreasi yang memerlukan kemahiran dan tumpuan seperti bermain alat musik ataupun melayari internet. Ada murid yang melaporkan kebanyakan rakan-rakannya terdiri dari mereka yang tidak bersekolah. Rakan-rakan sebegini merupakan pengaruh tidak sihat kepada gaya hidup murid-murid ini.

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pencapaian akademik bukan sahaja dipengaruhi oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh murid tetapi juga budaya yang merangkumi keluarga dan masyarakat kehidupan murid-murid itu sendiri. Murid-murid miskin boleh ketinggalan dalam muridan kerana masalah-masalah kewangan serta gaya hidup keluarga serta persekitaran tempat tinggal (Ab. Halim , Zuria & Safani; 2005). Malah, semasa di rumah, murid banyak menolong ibu bapa sama ada membuat kerja rumah, menjaga adik-adik semasa ibu bapa keluar bekerja, ataupun sesetengah murid bekerja untuk tujuan membantu keluarga. Cara gaya hidup begini membuatkan murid tidak memperuntukkan masa untuk mengulangkaji ataupun menyiapkan kerja rumah. Terutama bagi murid yang berada dalam kelas peperiksaan, ulangkaji, latihan, hubungan yang baik dengan guru melalui penyelesaian kerja rumah yang sempurna adalah faktor yang boleh membantu murid belajar dengan lebih berkesan.

Menurut Hamidah dan Norasibah, (2012) faktor persekitaran yang unik yang disebabkan oleh kemiskinan digambarkan sebagai salah satu faktor utama dalam mempengaruhi pencapaian murid di kawasan tersebut. Bagi murid-murid yang pencapaian akademiknya rendah, mereka lebih dipengaruhi oleh rakan sebaya kerana mereka mempunyai konsep kendiri yang rendah dan berasa selesa berada di dalam kumpulan rakan sebaya yang setara. Murid-murid ini melaporkan bahawa mereka terpengaruh dengan kawan-kawan yang negatif untuk melakukan kegiatan merokok, ponteng sekolah, keluar rumah sehingga larut malam, ataupun kawan-kawan yang datang ke rumah untuk berbual kosong. Bagi murid yang berada di asrama, kawan-kawan yang mengajak mereka untuk menonton TV di anggap sebagai elemen yang mempunyai pengaruh negatif.Selain daripada halangan-halangan luaran, murid-murid ini juga mengakui bahawa mereka mempunyai halangan dalaman iaitu sikap malas, kurang keyakinan diri serta malu. Sikap begini amat berkait rapat dengan keadaan kekurangan dalam diri seseorang.

Bagi kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran yang baik, mereka akan mempunyai taraf kesihatan yang tinggi dan berkemampuan bersaing dalam semua bidang. Sebaliknya bagi kanak-kanak yang tinggal dalam persekitaran tidak baik seperti keadaan rumah yang sesak, kekurangan sanitasi dan kebersihan, kurang pemakanan dan pendidikan akan mengalami tekanan kehidupan seperti kemiskinan (Ibrahim, 1995). Selain itu, ia turut mempengaruhi kesihatan mental murid. Ada diantara murid menyatakan mengalami perasaan negatif dan kurang bersemangat untuk belajar apabila timbul kedaikan-kedaikan ini: apabila adik-adik bising di rumah, tidak faham apa yang diajar oleh guru, tidak cukup wang untuk membeli peralatan sekolah dan buku rujukan, dan mendapat nombor yang terkebelakang berbanding rakan sekelas. Untuk berjaya dalam kehidupan, murid-murid miskin ini perlu mengatasi perasaan-perasaan negatif yang akan terus menerus menghalang mereka dari bertindak dengan positif dalam proses kehidupan secara amnya dan proses pembelajaran secara khususnya. Melihat kepada pencapaian akademik mereka, murid-murid golongan miskin sebenarnya berpotensi untuk mencapai kejayaan. Halangan-halangan luaran dan dalaman yang terpaksa dihadapi yang dinyatakan tadi menyebabkan mereka tidak berpeluang bersaing dengan rakan-rakan seangkatan yang lebih bernasib baik. Halangan luaran dan halangan dalaman menyebabkan murid ini terus bergelumang dalam masalah yang dihadapi.

### ***Faktor Ketahanan Diri Murid***

Sorotan kajian terdahulu juga menerangkan bagaimana fokus ke atas ketahanan diri dapat menambahbaik pendidikan murid yang mempunyai risiko dalam kegagalan akademik (Turner, 1992; Jung & Khalsa, 1988; Nero, 1988; Hafizah Abu Samah & Wan Kamal Mujani, 2015; Ferraro, 2008). Isu-isu yang berkaitan dengan definisi ketahanan diri telah dibincangkan, dan beberapa penyelidikan ke atas ketahanan diri telah membantu perkembangan bidang ini telah dinilai. Penyelidikan yang terbaru dalam bidang ketahanan diri pendidikan telah dikenalpasti, khasnya yang memberikan fokus kepada perbezaan diantara karakter murid yang mempunyai ketahanan diri dan tiada ketahanan diri, latar belakang keluarga, dan persepsi keatas bilik darjah dan persekitaran sekolah serta membincangkan implikasinya untuk tujuan pengamalan pendidikan dan penyelidikan.

Murid boleh terdedah kepada pengalaman pendidikan yang tidak sesuai melalui keluarga mereka, sekolah, atau komuniti (Pallas, Natriello & McDill, 1989). Walaupun para pendidik tidak dapat mengawal demografik komuniti dan keadaan keluarga, mereka boleh mengubah polisi pendidikan dan amalan kebiasaan untuk menjamin mereka dapat mengenakan keperluan yang tertentu kepada murid yang mempunyai risiko untuk gagal dalam akademik (Corner, 1987). Pembuat dasar atau polisi, pentadbiran, pengajar dan ibu bapa, perlu faham kenapa ada sesetengah murid yang ketahanan diri berjaya di sekolah, sementara murid yang lain yang berasal daripada latar belakang sosio-ekonomi dan sekolah dan persekitaran rumah yang serupa tidak mendapat pencapaian yang baik dari segi akademik.

## **KAEDAH KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan aspek seperti berikut:

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini berbentuk deskriptif bagi mendapatkan pandangan murid mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia. Seterusnya kaedah tinjauan digunakan bagi mengutip data bagi mendapatkan maklum balas tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian murid tersebut.

### **Sampel Kajian**

Pemilihan peserta adalah berbentuk pensampelan bertujuan dan seramai 423 orang responden kajian adalah terdiri dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah di Selangor yang telah dikenal pasti sebagai murid yang dikategorikan fakir miskin. Murid yang terlibat dalam kajian ini samada tiada mempunyai bapa kerana kematian bapa mereka, ataupun mempunyai bapa yang tiada bekerja ataupun bapa yang bekerja dalam pekerjaan yang berpendapatan rendah dan tidak tetap. Hanya sebilangan kecil melaporkan bapa mereka berpendapatan tetap iaitu sebagai pemandu bas dan jaga, di mana pekerjaan ini juga adalah memberikan pendapatan yang amat rendah. Kebanyakan ibu murid-murid ini adalah suri rumah tangga dan terdapat sebilangan ibu mereka yang dilaporkan sebagai tidak boleh membaca. Keadaan kesempitan kewangan keluarga serta latar belakang ibu bapa yang tidak berpendidikan yang dialami oleh murid-murid ini boleh menimbulkan gangguan kepada proses perkembangan mereka seperti yang dinyatakan oleh Holloway, (2003) dan Wong (1990).

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan pandangan murid terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid. Soal selidik ini mengandungi 236 item. Nilai *alpha cronbach* bagi empat faktor adalah seperti berikut:

Faktor	Nilai <i>alpha cronbach</i>
Komunikasi di rumah mengenai sekolah	0.87
Penerimaan ibu bapa terhadap anak-anak	0.88
Motivasi untuk berjaya dalam muridan	0.87
Komunikasi di rumah mengenai aktiviti sosial	0.87
Sokongan ibu bapa dengan penyediaan keperluan belajar	0.88
Hubungan anak dengan keluarga	0.88
Interaksi murid dan guru dalam kelas	0.87
Hubungan antara murid dan guru	0.87
Hubungan dengan jiran tetangga	0.88
Hubungan dengan rakan sebaya	0.87
Hubungan dengan orang lain	0.87
Membantu orang lain	0.88
Pandangan terhadap diri sendiri	0.89
Aktiviti masa lapang	0.88
Aktiviti kerohanian dan keagamaan	0.88
Kemahiran insaniah	0.87
Penyelesaian masalah	0.87

Berdasarkan nilai *alpha cronbach* bagi kesemua tujuh belas aspek ini, nilai kebolehpercayaan di antara 0.87 dan 0.89 berada pada tahap tinggi. Ini selari dengan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016) menyatakan nilai kebolehpercayaan adalah tinggi apabila nilai indeks kebolehpercayaan berada antara 0.65 hingga 0.95.

### **Analisis data**

Analisis data kajian ini menggunakan perisian “Statistical Package For Social Sciences” (SPSS) versi 23.0 dan SEM Amos versi 23.0 untuk melihat jika terdapat pengaruh yang signifikan di antara faktor-faktor pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin. Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk mengukur tahap faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak dan interpretasi nilai min telah dikategorikan mengikut skala berikut seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1

*Interpretasi Nilai Min Faktor Pencapaian Akademik Anak-anak Keluarga Fakir Miskin di Malaysia*

Nilai	Tahap	Nilai Data
1.00 hingga 2.33	Rendah	1
2.34 hingga 3.66	Sederhana	2
3.67 hingga 5.00	Tinggi	3

Sumber: Zuraidah, 2010

Berdasarkan Jadual 1, interpretasi nilai min ini dapat menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia. Nilai min 1.00 hingga 2.33 adalah tahap rendah dan diberikan nilai 1. Seterusnya nilai min 2.34 hingga 3.66 adalah tahap sederhana dan diberikan nilai 2. Manakala nilai min 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi dan diberikan nilai 3. Bagi analisis inferensi menggunakan SEM Amos untuk mengkaji pengaruh di antara faktor-faktor pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang digambarkan merujuk kepada empat (4) faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia iaitu faktor ibu bapa dan keluarga, faktor guru dan sekolah, faktor persekitaran dan rakan sebaya dan faktor diri sendiri. Perincian faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin adalah seperti berikut:

### i) Faktor Ibu Bapa dan Keluarga

Berdasarkan dapatan menunjukkan terdapat beberapa aspek yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin dalam faktor ibu bapa dan keluarga. Terdapat enam aspek iaitu komunikasi di rumah mengenai sekolah, penerimaan ibu bapa terhadap anak-anak, motivasi untuk berjaya dalam muridan, komunikasi di rumah mengenai aktiviti sosial, sokongan ibu bapa dengan penyediaan keperluan belajar di rumah, dan hubungan anak dengan keluarga. Jadual 2 menunjukkan analisis mengikut kekerapan min dan sisihan piawai bagi faktor ibu bapa dan keluarga.

Jadual 2

*Aspek Yang Mempengaruhi Faktor Ibu Bapa dan Keluarga Mengikut Kekerapan Nilai Min, Sisihan Piawai dan Tahap*

Aspek	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Komunikasi di rumah mengenai sekolah	3.46	1.11	2
Penerimaan ibu bapa terhadap anak-anak	3.59	1.08	2
Motivasi untuk berjaya dalam pelajaran	3.86	1.07	3
Komunikasi di rumah mengenai aktiviti sosial	3.89	1.01	3
Sokongan ibu bapa dengan penyediaan keperluan belajar	3.26	1.18	2
Hubungan anak dengan keluarga	3.03	1.26	2
<b>JUMLAH</b>	<b>3.52</b>	<b>1.12</b>	<b>2</b>

N=423

Berdasarkan analisis data Jadual 2 di atas menunjukkan nilai min dan sisihan piawai aspek-aspek yang mempengaruhi faktor ibu bapa dan keluarga. Faktor ibu bapa dan keluarga berada pada tahap sederhana berdasarkan nilai min keseluruhan (nilai min=3.52, SP= 1.12). Terdapat enam aspek yang mempengaruhi faktor ibu bapa dan keluarga iaitu aspek komunikasi di rumah mengenai sekolah berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.46 dan sisihan piawai 1.11, seterusnya aspek

penerimaan ibu bapa terhadap anak-anak juga berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.59 (SP=1.08). Manakala bagi aspek motivasi untuk berjaya dalam muridan pula tahap tinggi dengan nilai min 3.86 (SP=1.07). Begitu juga aspek komunikasi di rumah mengenai aktiviti sosial nilai berada pada tahap tinggi dengan nilai min = 3.89 (SP=1.01). Aspek sokongan ibu bapa dengan penyediaan keperluan belajar pula berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.26 (SP=1.18). Seterusnya aspek hubungan anak dengan keluarga juga berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.03 (SP=1.26).

Dapatkan juga menunjukkan kedudukan item-item yang mempunyai pengaruh yang tinggi dalam mempengaruhi faktor ibu bapa iaitu aspek komunikasi di rumah mengenai aktiviti sosial nilai min 3.89, diikuti aspek motivasi untuk berjaya dalam muridan (nilai min=3.86), seterusnya aspek penerimaan ibu bapa terhadap anak-anak (nilai min=3.59), aspek komunikasi di rumah mengenai sekolah (nilai min=3.46), sokongan ibu bapa dengan penyediaan keperluan belajar (nilai min=3.26), dan aspek terakhir adalah hubungan anak dengan keluarga nilai min=3.03.

### *ii) Faktor Guru dan Sekolah*

Terdapat dua aspek yang mempengaruhi faktor guru dan sekolah iaitu interaksi murid dan guru dalam kelas dan hubungan antara murid dan guru. Jadual 3 menunjukkan aspek yang mempengaruhi faktor guru dan sekolah mengikut kekerapan min dan sisihan piawai bagi faktor guru dan sekolah.

Jadual 3

*Aspek Yang Mempengaruhi Faktor Guru dan Sekolah Mengikut Kekerapan Nilai Min, Sisihan Piawai dan Tahap*

Aspek	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Interaksi murid dan guru dalam kelas	3.97	0.98	3
Hubungan antara murid dan guru	3.66	1.04	2
<b>JUMLAH</b>	<b>3.82</b>	1.50	3

N=423

Berdasarkan analisis data Jadual 3 di atas menunjukkan nilai min dan sisihan piawai aspek yang mempengaruhi faktor guru dan sekolah. Faktor guru dan sekolah berada pada tahap tinggi berdasarkan nilai min keseluruhan (nilai min=3.52, SP= 1.12). Terdapat dua aspek yang mempengaruhi faktor guru dan sekolah iaitu interaksi murid dan guru dalam kelas mempunyai tahap tinggi dengan nilai min 3.97 dan sisihan piawai 0.98. Aspek ini juga mempunyai pengaruh yang paling tinggi bagi faktor guru dan sekolah. Manakala aspek kedua hubungan antara murid dan guru pula tahap sederhana dengan nilai min adalah 3.66 dan sisihan piawai bersamaan 1.04.

### *iii) Faktor Persekutaran dan Rakan Sebaya*

Terdapat dua aspek yang mempengaruhi faktor persekitaran dan rakan sebaya iaitu hubungan dengan jiran tetangga dan hubungan dengan rakan sebaya. Jadual 4 menunjukkan aspek yang mempengaruhi faktor persekitaran dan rakan sebaya mengikut kekerapan min dan sisihan piawai. Jadual 4 menunjukkan analisis mengikut kekerapan min dan sisihan piawai bagi faktor persekitaran dan rakan sebaya.

Jadual 4

*Aspek Yang Mempengaruhi Faktor Persekutaran dan Rakan Sebaya Mengikut Kekerapan Nilai Min*

Aspek	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Hubungan dengan jiran tetangga	3.40	1.23	2
Hubungan dengan rakan sebaya	3.69	1.04	3
<b>JUMLAH</b>	<b>3.55</b>	<b>1.14</b>	<b>2</b>

N=423

Berdasarkan Jadual 4, menunjukkan aspek yang mempengaruhi faktor persekitaran dan rakan sebaya keseluruhannya berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.55 dan sisihan piawai = 1.14. Seterusnya aspek hubungan dengan jiran tetangga mempunyai tahap sederhana dengan nilai min 3.40 dan sisihan piawai 1.23. Aspek ini juga mempunyai pengaruh yang paling rendah bagi faktor persekitaran dan rakan sebaya. Manakala aspek kedua hubungan dengan rakan sebaya pula berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.69 dan sisihan piawai bersamaan 1.04 merupakan aspek yang paling tinggi dalam mempengaruhi faktor persekitaran dan rakan sebaya.

#### *iv) Faktor Ketahanan Diri Murid*

Berdasarkan dapatan menunjukkan terdapat tujuh aspek yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin bagi faktor ketahanan diri murid iaitu hubungan dengan orang lain, membantu orang lain, pandangan terhadap diri sendiri, aktiviti masa lapang, aktiviti kerohanian dan keagamaan, kemahiran insaniah dan penyelesaian masalah. Jadual 5 menunjukkan analisis mengikut kekerapan min dan sisihan piawai bagi faktor diri sendiri.

Jadual 5

*Aspek Yang Mempengaruhi Faktor Ketahanan Diri Murid Mengikut Kekerapan Nilai Min dan Sisihan Piawai*

Aspek	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Hubungan dengan orang lain	3.62	1.06	2
Membantu orang lain	3.55	1.03	2
Pandangan terhadap diri sendiri	3.78	1.03	3
Aktiviti masa lapang	3.45	1.26	2
Aktiviti kerohanian dan keagamaan	3.90	0.99	3
Kemahiran insaniah	3.70	0.96	3
Penyelesaian masalah	3.59	1.05	2
<b>JUMLAH</b>	<b>3.66</b>	<b>1.82</b>	<b>2</b>

N=423

Berdasarkan Jadual 5, menunjukkan aspek yang mempengaruhi faktor ketahanan diri murid keseluruhannya berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.66 dan sisihan piawai = 1.82. Seterusnya nilai min dan sisihan piawai bagi tujuh aspek iaitu aspek hubungan dengan orang lain mempunyai tahap sederhana dengan nilai min 3.62 dan sisihan piawai 1.06, manakala aspek membantu orang lain juga berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.55 (SP=1.03). Seterusnya aspek pandangan terhadap diri sendiri berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.78 (SP=1.03), aspek aktiviti masa lapang pula berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.45 (SP=1.26), aspek aktiviti kerohanian dan keagamaan berada pada tahap tinggi dengan nilai min = 3.90 (SP=0.99), aspek

kemahiran insaniah juga berada pada tahap tinggi dengan nilai min 3.70 (SP=0.96) dan akhir sekali aspek penyelesaian masalah pula berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.59 (SP=1.05).

Dapatkan juga menunjukkan kedudukan aspek yang mempunyai pengaruh yang tinggi dalam mempengaruhi faktor ketahanan diri murid iaitu aspek aktiviti kerohanian dan keagamaan nilai min = 3.90, diikuti aspek pandangan terhadap diri sendiri (Min=3.78), seterusnya aspek kemahiran insaniah (Min=3.59), aspek hubungan dengan orang lain (Min=3.62), aspek penyelesaian masalah (Min=3.59), aspek membantu orang lain (Min=3.55) dan aspek terakhir adalah aktiviti masa lapang dengan nilai Min=3.45. Berdasarkan Jadual 6 merupakan keseluruhan nilai min dan sisihan piawai faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia.

Jadual 6

*Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Anak-anak Keluarga Fakir Miskin Mengikut Kekerapan Nilai Min dan Sisihan Piawai*

Faktor	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Faktor ibu bapa dan keluarga	3.52	1.12	2
Faktor guru dan sekolah	3.82	1.50	3
Faktor persekitaran dan rakan sebaya	3.55	1.14	2
Faktor ketahanan diri murid	3.66	1.82	2
<b>JUMLAH</b>	<b>3.64</b>	<b>1.40</b>	<b>2</b>

N=423

Berdasarkan Jadual 6, menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin keseluruhannya berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.64 dan sisihan piawai = 1.40. Seterusnya nilai min dan sisihan piawai bagi empat faktor tersebut adalah faktor ibu bapa dan keluarga mempunyai tahap sederhana dengan nilai min 3.52 dan sisihan piawai 1.12, manakala faktor guru dan sekolah pula berada pada tahap tinggi dengan nilai min = 3.82 (SP=1.50). Seterusnya faktor persekitaran dan rakan sebaya berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.55 (SP=1.14), dan faktor diri sendiri pula berada pada tahap sederhana dengan nilai min = 3.66 (SP=1.82). Berdasarkan dapatan ini juga menunjukkan faktor guru dan sekolah berada pada kedudukan pertama dengan nilai min 3.82. Manakala faktor kedua yang mempengaruhi pencapaian anak-anak keluarga fakir miskin adalah faktor ketahanan diri murid dengan nilai min 3.66. Seterusnya faktor ketiga adalah faktor persekitaran dan rakan sebaya dengan nilai min 3.55 dan akhir sekali faktor ibu bapa dan keluarga dengan nilai min 3.52.

*Pengaruh Antara Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Anak-Anak Keluarga Fakir Miskin*


Berdasarkan Jadual 6 menunjukkan bahawa Persekutaran dan Rakan Sebaya mencatatkan nilai *Regression Weights* yang tertinggi iaitu 0.92. Dapatkan kajian menunjukkan murid-murid didapati dapat menjalin hubungan yang baik dengan jiran tetangga dan rakan sebaya. Faktor kedua adalah Guru dan Sekolah mencatatkan nilai 0.88. Murid-murid dapat berinteraksi dengan baik dengan rakan-rakan dan guru dalam kelas selain mempunyai hubungan yang baik dengan guru di mana guru-guru mengambil berat, memberikan pujian dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid. Bagi faktor ketahanan diri murid pula, mencatat nilai 0.86, di mana mereka dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan orang lain, membantu, yakin diri, mengisi masa lapang dengan menjalankan kegiatan sukan dan seni. Faktor Ibu bapa dan Keluarga pula nilai yang terendah 0.75, faktor ini termasuk komunikasi di rumah, penerimaan ibu bapa terhadap anak, motivasi untuk kejayaan anak, komunikasi di rumah mengenai aktiviti sosial, sokongan dan hubungan kekeluargaan.

Ringkasan *Regression Weights* bagi setiap faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak fakir miskin ditunjukkan dalam Jadual 7 dan rajah 1.

Jadual 7

*Nilai Regression Weights faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin*

Faktor	Regression Weights
Persekutuan dan Rakan Sebaya	0.92
Guru dan Sekolah	0.88
Ketahanan Diri Murid	0.86
Ibu bapa dan Keluarga	0.75



Rajah 1. Model Pengukuran Pencapaian Akademik

Hasil analisis SEM seperti rajah 1 menunjukkan model yang dibentuk *fit* dengan empat faktor yang dikaji, iaitu Ibu Bapa dan Keluarga, Guru dan Sekolah, Persekutuan dan Rakan Sebaya dan ketahanan diri murid (Chi-square ( $\chi^2$ ) = 409.3, N= 423, TLI= 0.901, CFI= 0.925, RMSEA= 0.77, CMIN/DF= 3.5). Nilai indeks yang diperoleh mencapai tahap yang dikehendaki.

## PERBINCANGAN

Bahagian ini dibincangkan seperti berikut.

### ***Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Anak-Anak Keluarga Fakir Miskin Di Malaysia***

Perbincangan ini adalah untuk menjawab soalan kajian yang pertama iaitu apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia? Bagi mengenal pasti faktor ini, empat faktor telah dinilai dalam kajian ini iaitu faktor ibu bapa dan keluarga, faktor guru dan sekolah, faktor persekitaran dan rakan sebaya, dan faktor ketahanan diri.

Dapatan kajian pada keseluruhannya menunjukkan faktor pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia berada pada tahap yang sederhana berdasarkan nilai min keseluruhan ( $\text{min}=3.64$ ,  $\text{SP}=1.40$ ) persepsi murid yang terdiri daripada kalangan anak keluarga fakir miskin di Malaysia. Berdasarkan keempat-empat faktor tersebut faktor guru dan sekolah merupakan nilai min paling tinggi dan melebihi nilai min keseluruhan ( $\text{min}=3.82$ ;  $\text{SP}=1.50$ ), seterusnya faktor ketahanan diri ( $\text{min}=3.66$ ;  $\text{SP}=1.82$ ) juga nilai min melebihi nilai min keseluruhan. Manakala faktor persekitaran dan rakan sebaya pula mempunyai nilai yang kurang dengan nilai min keseluruhan ( $\text{min}=3.55$ ;  $\text{SP}=1.14$ ). Begitu juga dengan faktor ibu bapa dan keluarga merupakan faktor yang mempunyai nilai min kurang daripada nilai min keseluruhan ( $\text{min}=3.52$ ,  $\text{SP}=1.12$ ).

Berdasarkan dapatan kajian ini, kedudukan faktor guru dan sekolah adalah pemangkin kepada pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin. Ini selari dengan dapatan kajian Corcoran, M., Greg J. D., Gerald G., & Gurin, P. (1985) menyatakan bahawa guru sememangnya merupakan salah satu faktor yang dapat mempengaruhi kecemerlangan akademik murid. Faktor guru penting kerana guru adalah pembimbing utama dalam kalangan murid dan mendapat restu daripada guru semasa proses pembelajaran membolehkan mereka mudah menerima ilmu yang disampaikan oleh guru. Seterusnya guru juga sumber inspirasi kepada murid untuk memotivasi diri agar terus berusaha untuk mencapai kejayaan dalam hidup (Winkel, 1996).

Manakala bagi faktor kedua tertinggi yang mempengaruhi pencapaian akademik murid adalah faktor ketahanan diri murid. Dapatan ini selari dengan kajian Ibrahim Abu Shah (1995) kejayaan seseorang murid dipengaruhi dorongan dalaman dan luaran serta sikap murid itu sendiri. Dorongan dalaman datang daripada pendekatan, sikap, perasaan dan pemikiran yang ingin dicapai, perasaan ingin bersaing dengan rakan atau lawan, ingin merasai kepuasan menuntut ilmu, merasakan pembelajaran adalah sesuatu yang menyeronokkan dan senang apabila masyarakat memandang tinggi terhadap kejayaan mereka. Manakala dorongan luaran pula, merujuk kepada faktor ganjaran apabila sudah berjaya seperti kemampuan untuk dapat hidup lebih mewah dan sebagainya. Bagi faktor ketiga tertinggi adalah faktor persekitaran dan rakan sebaya. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Meenu Dev (2016) yang mendapati pencapaian akademik murid bergantung kepada persekitaran yang kondusif dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap akademik murid kerana jika persekitaran rumah tidak kondusif kemungkinan akan mengurangkan keupayaan pembelajaran.

Akhir sekali faktor terendah nilai min bagi faktor pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin adalah faktor ibu bapa dan keluarga. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor ibu bapa dan keluarga kurang mempengaruhi pencapaian akademik murid. Dapatan kajian ini mempunyai sedikit perbezaan dengan dapatan kajian Mohammad Johdi, Mazliza & Frances (2012) yang mana faktor ibu bapa berada pada kedudukan kedua yang mempengaruhi pencapaian akademik murid. Ini adalah disebabkan ibu bapa merupakan sumber inspirasi kepada kejayaan murid, ibu bapa yang perihatin menyediakan kelengkapan untuk pembelajaran dan ingin menunjukkan bahawa mereka

boleh mengubah masa depan keluarga. Corak didikan ibu bapa memberikan kesan terhadap perkembangan fizikal, mental dan sosial anak-anak seterusnya membentuk personaliti anal-anak. Menurut Azizi & Nalini (2006), suasana keluarga murid mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap tingkah laku akademik murid. Bacete et.al (2001) juga menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah secara langsung dikaitkan dengan pencapaian akademik para murid. Seterusnya Tyagi & Kumar (2014) mendapat bahawa galakan ibu bapa yang memiliki sikap positif mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik anak-anak. Justeru, kajian ini menyokong kajian Dekovic, M., & Gerris, J. R. M. (1992) yang mendapat ibu bapa yang bermasalah mengundang tekanan dan mengganggu tumpuan pembelajaran anak-anak mereka.

### **Pengaruh Antara Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Anak-Anak Keluarga Fakir Miskin**

Perbincangan ini bagi menjawab soalan kajian yang kedua iaitu adakah terdapat pengaruh yang signifikan antara faktor-faktor pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, empat faktor telah dinilai iaitu faktor ibu bapa dan keluarga, faktor guru dan sekolah, faktor persekitaran dan rakan sebaya dan faktor ketahanan diri.

Hasil analisis data kajian menunjukkan secara keseluruhan, pengaruh antara faktor-faktor pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin adalah signifikan. Berdasarkan dapatan kajian, faktor persekitaran dan rakan sebaya mempunyai pengaruh yang paling signifikan dengan nilai *regression weights* 0.92. Hasil kajian ini selari dengan dapatan Abd. Halim, Zuria & Safani, (2005) yang mengatakan pencapaian akademik turut dipengaruhi oleh faktor rakan-rakan yang negatif yang sering melakukan kegiatan merokok, ponteng sekolah, keluar rumah sehingga larut malam, ataupun rakan-rakan yang datang ke rumah untuk berbual kosong. Ini menunjukkan bahawa faktor persekitaran dan rakan sebaya boleh mempengaruhi pelajar secara positif atau negatif.

Dari segi faktor persekitaran, dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian NAEP (2000), Low & Clement (1982) dan Bracey (2003) yang mengatakan bahawa murid miskin sering ketinggalan dalam mata pelajaran matematik dan pembacaan. Menurut kajian-kajian di barat, murid-murid miskin boleh ketinggalan kerana masalah-masalah kewangan serta gaya hidup keluarga serta persekitaran tempat tinggal. Dapatkan ini bukanlah sesuatu yang luar biasa samada di luar negara ataupun di Malaysia kerana mata pelajaran yang diajar seperti Matematik, Bahasa Inggeris, Sejarah dan sebagainya memerlukan motivasi yang tinggi, perhatian yang serius semasa pembelajaran, dan latihan yang kerap. Umumnya, keadaan-keadaan yang positif ini lebih senang didapati dalam suasana sosio ekonomi yang baik.

Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor persekitaran lain seperti ketiadaan aktiviti kelas tambahan sebagai halangan untuk mereka terus belajar sehingga menjaskan pencapaian akademik mereka. Aspek-aspek seperti situasi rumah yang tidak kondusif, adik beradik yang ramai, serta kurang buku rujukan. Murid-murid ini melaporkan bahawa mereka terpengaruh dengan kawan-kawan yang negatif. Bagi murid yang berada di asrama, kawan-kawan yang mengajak mereka untuk menonton TV dianggap sebagai eleman yang mempunyai pengaruh negatif. Masalah kewangan dianggap sebagai halangan yang besar kerana murid perlu menyediakan wang untuk membeli pakaian sekolah, membayar yuran, dan bagi yang mempunyai adik beradik ramai, terpaksa pula menanggung adik-adik. Walaupun murid mendapat bantuan buku teks, tetapi ramai murid ini menyatakan bahawa mereka amat memerlukan buku rujukan dan latihan untuk membantu mereka mengukuhkan pembelajaran.

Sementara itu, faktor persekitaran di kawasan kajian juga turut menjadi punca masalah dan cabaran kepada responden. Ini kerana anak-anak mudah terpengaruh dengan pelbagai budaya sehinggakan

pendidikan anak-anak terabai. Sebanyak 6.5 peratus daripada keseluruhan responden memberi alasan faktor ini memberi cabaran kepada mereka. Selain itu, faktor tempat kediaman responden yang kecil dan bising seperti ketiadaan ruang membaca atau bilik asing tidak dapat memberi suasana yang kondusif untuk murid menelaah, sebaliknya menjadi faktor penolak pada murid untuk membuang masa dengan melepak. Di samping itu juga, faktor persekitaran turut mempengaruhi keadaan motivasi anak-anak mereka.

Seterusnya nilai kedua yang mempunyai pengaruh paling signifikan adalah faktor guru dan sekolah (0.88). Hasil kajian ini adalah selari dengan kajian Ee (1998) dan (Noor Erma & Leong, 2014) yang mendapati bahawa guru dapat meningkatkan minat murid melalui pelbagai rangsangan seperti nada yang berubah-ubah, bahan bantu yang menarik, permainan dan sebagainya. Melalui cara ini guru akan dapat meningkatkan minat dan rasa ingin tahu murid terhadap pengajarannya. Murid yang mendapat motivasi daripada guru biasanya akan menjadi lebih berminat yang seterusnya membantu proses pencapaian objektif pembelajaran (Noor Erma & Leong, 2014).

Dapatkan ini menunjukkan bahawa faktor guru dan sekolah adalah sangat penting dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid. Tugas guru adalah memudahkan pembelajaran murid. Menurut Widad (1998), guru yang bijaksana akan menjalankan proses pengajaran sesuatu yang bermanfaat dan boleh mencerahkan masa depan murid dengan peluang yang ada. Pengajaran guru dalam hal ini adalah sebagai pembimbing atau model serta berupaya mempengaruhi sikap murid terhadap pencapaian akademik mereka. Menurut Kamaruddin (1997), tanggungjawab dan tugas guru tidak sahaja mentadbir ataupun menguruskan kelas. Malahan mereka mempunyai tanggungjawab yang lebih penting dalam proses pengajaran iaitu menyampaikan ilmu kepada murid. Beliau turut menyatakan pengajaran guru seharusnya berdaya tarikan dan mampu meningkatkan motivasi murid. Motivasi akan menjadi berkurangan apabila proses pembelajaran dipenuhi dengan aktiviti yang tidak bermakna.

Faktor ketiga yang mempunyai pengaruh paling signifikan dengan pencapaian akademik anak-anak fakir miskin adalah faktor ketahanan diri (0.86). Dapatkan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim, Zuria & Safani (2005), yang mendapati bahawa semasa di rumah, murid banyak menolong ibubapa samada membuat kerja rumah, menjaga adik-adik semasa ibubapa keluar bekerja, ataupun sesetengah murid bekerja untuk tujuan membantu keluarga. Cara gaya hidup begini membuatkan murid tidak memperuntukkan masa untuk mengulangkaji ataupun menyiapkan kerja rumah. Terutama bagi murid yang berada dalam kelas peperiksaan, ulangkaji, latihan, hubungan yang baik dengan guru melalui penyelesaian kerja rumah yang sempurna adalah faktor yang boleh membantu murid belajar dengan lebih berkesan.

Situasi ini adalah sama dengan penemuan oleh Clinton, (1996) yang mengatakan kebanyakan murid miskin tidak mendapat bimbingan pelajaran di rumah. Dari segi ini, jurang akademik antara murid miskin dan kaya semakin meluas kerana rakan sebaya mereka yang lebih berada mampu mendapat tuisyen. Berbeza dengan Amerika Syarikat, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka sangat diutamakan seperti Family Math Program yang disasarkan kepada ibu bapa. Program ini bertujuan memberi mereka keyakinan dan kemahiran ibu bapa untuk membantu anak mereka dalam sesuatu matamuridan (Clinton, 1996).

Selain itu, satu lagi aspek yang berkait dengan faktor ketahanan diri ialah aspirasi murid yang juga boleh dilihat dari nilai yang mereka pegang. Antara nilai yang dipegang oleh murid ini adalah seperti rajin, bertanggungjawab, menghormati orang tua, bekerjasama, penyabar, berani, dan penyayang. Bagaimanapun murid-murid ini kurang mempunyai nilai seperti tidak putus asa, bertimbangsara, prihatin, maupun pemaaf. Selain daripada mempunyai nilai yang positif, murid-murid miskin ini juga menyatakan nilai kekeluargaan yang tinggi. Kebanyakan mereka bercita-cita mengubah keadaan kehidupan keluarga mereka dan juga mengubah tingkahlaku mereka.

Faktor terakhir yang mempunyai pengaruh paling rendah adalah faktor ibu bapa dan keluarga (0.75). Walaupun dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor ibu bapa dan keluarga merupakan faktor yang kurang signifikan berbanding faktor-faktor yang lain, namun ia tetap merupakan satu aspek yang mempengaruhi pencapaian akademik murid. Antara aspek yang berkait dengan faktor ibu bapa adalah tahap pendidikan ibu bapa itu sendiri. Van Hook (1995) melihat pengaruh tahap pendidikan ibubapa terhadap aspirasi murid. Sekali lagi di sini, murid miskin dalam kajian ini mempunyai ibubapa yang samada tidak berpendidikan ataupun berpendidikan rendah atau menengah sahaja. Kebanyakan murid menyatakan hajat untuk bekerja dahulu sebelum melanjutkan pelajaran ke universiti. Antara alasan yang diberikan ialah untuk mengumpul wang yang cukup untuk pembelajaran peringkat atas. Ini memberikan gambaran bahawa murid miskin dan mempunyai ibubapa berpendidikan rendah tidak yakin dengan aspirasi untuk terus belajar di peringkat lebih tinggi kerana terbelenggu dengan kedudukan kewangan keluarga mereka.

Pendapat ini turut disokong dengan penemuan Nhamo dan Nhamo (2006) dalam satu kajian yang dijalankan di Afrika Selatan yang mendapati pengaruh tahap pendidikan penjaga atau ibu bapa kepada murid sekolah di Afrika Selatan mempengaruhi perkembangan dan pencapaian seseorang murid. Satu program untuk membantu perkembangan pendidikan kepada ibu bapa yang buta huruf telah diperkenalkan di peringkat nasional bagi mengurangkan masalah kemunduran pendidikan dalam kalangan mereka (Nhamo & Nhamo 2006). Oleh itu, dapatan yang diperolehi di atas jelas menunjukkan bahawa faktor pendidikan yang rendah dalam kalangan responden mempengaruhi pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Ini kerana faktor tersebut cenderung memberi masalah dalam membantu meningkatkan pencapaian pendidikan anak-anak.

Selain itu, kajian ini turut menyokong hasil dapatan Ramos et al. (1995) yang memperkatakan bagaimana aspirasi murid miskin berkait dengan persepsi mereka berkenaan sokongan ibubapa. Kebanyakan murid dalam kajian ini menyatakan bahawa mereka amat memerlukan sokongan dari ibubapa. Antara bentuk sokongan yang diperlukan ibubapa menyediakan peruntukan kewangan untuk biaya pembelajaran, ibubapa memberi dorongan secara positif dan tidak marah-marah, serta ibubapa memahami jiwa remaja mereka. Malah apabila ditanya apakah yang paling mereka perlukan untuk berjaya, jawapannya ialah sokongan ibubapa, dan ini melebihi keperluan kepada sokongan guru, bantuan kewangan, mahupun tuisyen dan buku-buku tambahan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah memaparkan empat faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia. Secara umumnya keseluruhan dapatan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin di Malaysia berada pada tahap sederhana. Ini membuktikan bahawa peranan ibu bapa dan keluarga, guru dan sekolah, persekitaran dan rakan sebaya atau para murid seharusnya bersama-sama menggembangkan tenaga dan usaha dalam memastikan pencapaian akademik anak-anak fakir miskin lebih cemerlang dalam bidang akademik. Selain itu, dapatan ini juga dapat memberikan maklumat kepada pihak yang terlibat tentang strategi dan pendekatan baharu yang sesuai di sekolah agar matlamat peningkatan pencapaian akademik anak-anak keluarga fakir miskin ini dapat direalisasikan.

Guru dan kaunselor sekolah perlu mengambil tahu tentang kehadiran dan keadaan murid fakir miskin ini. Dengan mendekati dan memberi dorongan kepada murid ini mereka telah membantu memenuhi keperluan murid yang amat memerlukan sokongan. Pihak sekolah boleh menerima pakai cadangan Van Hook (1993) iaitu membantu murid-murid miskin ini dengan memberi maklumat tentang peluang-peluang bantuan kewangan dan malah pihak sekolah serta kementerian boleh mengadakan program-program mengutip dana dalam komuniti masing-masing. Usaha persatuan ANSARA (TV 7) yang

mengutip data melalui telefon memberi fokus kepada membantu murid miskin boleh dianggap sebagai cara berkesan untuk menarik kesedaran masyarakat terhadap kewujudan dan keperluan murid miskin.

Walaupun murid fakir miskin di Malaysia mempunyai banyak masalah kewangan, tetapi peserta-peserta dalam kajian ini mempamerkan aspirasi yang sihat, serta nilai yang positif. Apa yang ketara menjadi penghalang kepada aspirasi murid-murid miskin ini adalah cara gaya hidup mereka. Dengan bimbingan yang sesuai kepada murid dan keluarga mereka, murid-murid ini tidak perlu mewarisi kesempitan kehidupan seperti yang dilalui oleh keluarga mereka. Adalah diharapkan usaha-usaha sebegini akan membolehkan murid miskin bertumbuh dengan sihat dan menjadi warganegara yang berkesan.

### Rujukan

- Aaron M. Pallas, Gary Natriello, Edward L. McDill First Published June 1, 1989. The Changing Nature of the Disadvantaged Population Current Dimensions and Future Trends. *Sage Journal*.
- Abd. Halim, T, Zuria. M, & Safani, B. 2005. Permasalahan Murid-murid Fakir Miskin di Daerah Sabak Bernam. *Jurnal Pendidikan* 30 (2005). 21 – 33. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Bakar Nordin (1994). Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020. Kuala Lumpur: Cetaktama
- Adegoke, A. (1992). “Relationship between Parental Socio-Economic Status, Sex and Initial Pubertal Problems Among School-Going Adolescents In Nigeria.” *Journal OfAdolescence*, 15. London: Academic Press.
- Ahamd, A.& Awang, M. I. (2008). “Pengukuran dan penilaian pendidikan” Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008 ISBN 9834601492, 9789834601492
- Alias Baba. (1989). Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Dalam Mata Muridan Kimia. *Jurnal Pendidikan*, 13 & 14, 19-27.
- Alias Baba. (1989). Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Kimia. *Jurnal Pendidikan*, 13 & 14, 19-27.
- Alsagoff, S. A. (1984). Teknologi Pengajaran. Terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka KK.737-2996-0101
- Arnold, D.H, Zeljo, A. & Doctoroff, G.L. 2008. Parent Involvement in Preschool: Predictors and the relation of involvement to preliteracy development. *School Psychology Review*. 37 (1), 74-90.
- Arnold, D.H, Zeljo, A. & Doctoroff, G.L. 2008. Parent Involvement in Preschool: Predictors and the relation of involvement to preliteracy development. *School Psychology Review*. 37 (1), 74-90
- Asian Development Bank. 2014. Urban Poverty in Asia. <http://www.adb.org/print/node/59778> Tarikh capaian: 10 Januari 2016.
- Atan Long 1984. Pendidik dan pendidikan. Petaling Jaya, Fajar Bakti Sdn Bhd.

- Atan Long. 1978. Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long. 1993. Pedagogi Kaedah Am Mengajar. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Atkinson, A. B., Marlier, E., Montaigne F., & Reinstadler, A. (2010). Income poverty and income inequality. In Atkinson, A.B & Marlier, E (eds.). *Income and living conditions in Europe*, Eurostat statistical book.
- Aulettta, K. 1982. *The Underclass*. New York: Random House. Banfield, E. 1970. *The Unheavenly City*. Boston: Little Brown.
- Awang Had Salleh. 1994. Disiplin, Sebuah Tinjauan Konsep Dari Segi Pendidikan. Jurnal Pendidikan, hal 1-12.
- Azizah Tumirah 1999. Faktor-faktor yang mempengaruhi kelemahan pelajar bumiputera dalam mata pelajaran
- Azizi Hj. Yahaya dan Nalini A/P Madavan 2006. Faktor-Faktor Lepak dan hubungan Keibubapaan di kalangan Pelajar Remaja Di Sekolah Menengah di Empat Buah Negeri Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Hj. Yahaya, Jamaluddin Ramli dan Yusof Boon 2007. Sumbangan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar
- Azrul Azlan 1988. Satu tinjauan mengenapasti faktor-faktor yang mempengaruhi mata pelajaran lukisan
- Bacete et.al (2001) Psychol Rep. 2003. Family and ability correlates of academic grades.
- Baldwin & Baronski, 1990. Children of depressed parents: An integrative review. *Psychological Bulletin*, Vol 108(1), Jul 1990, 50-76
- Bandura, A. & Mischel, W. 1986. Social Foundation Of Thought And Action: A Social And Cognitive Theory. Englewood Cliffs. New Jersey : Prentice Hall.
- Bandura, A. (1973). Aggression: A Social Learning Analysis. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Bloom B. S. (1956). Taxonomy of Educational Objectives, Handbook I: The Cognitive Domain. New York: David
- Boddy, Richard (2009). Statistical Methods In Practice: For Scientists And Technologists. Publisher:Wiley, ISBN:9780470746646
- Bracey, G. W. 2003. What they did last summer. *NEA Today* 22(2):19-20.
- Brooks,G. J. (1994). "Does neighborhood and family poverty affect mothers' parenting, mental health, and social support?" *Journal of Marriage & the Family*, 56.
- Bryant, E. C. 1974. Association Between Educational Outcomes And Background Variable Denver : National Assessment of Educational Progress, 1974, p.5.

- Bryman, Alan (2001). Quantitative Data Analysis With SPSS Release 10 For Windows: A Guide For Social Scientists. Publisher: Taylor And Francis, ISBN:0415244005
- Calhoun, J.F. & Cocella, J.R. 1990. *Psychology of Adjustment and Human Relationship*. New York: McGraw-Hill Publishing Co.
- Chamhuri Siwar. (2005). Pembasmian Kemiskinan: Satu Penilaian Kritikal Ke Arah Pemantapan Perancangan, Perlaksanaan dan Penilaian. Dibentangkan dalam Bengkel Penyediaan Pendekatan Bersepadu Pembasmian Kemiskinan RMke-9. Malaysia: Putrajaya.
- Chong Chee Kong (2003). Hubungan antara sikap, minat dan persepsi dengan prestasi matematik pelajar Sekolah.
- Clark, R. F. 2002. *The War on Poverty: History, Selected Programs and Ongoing Impact*. Lanham, Maryland: University Press of America, Inc.
- Clinton, H.R. (1996). It takes a village and other lessons children teach us. New York: Simon & Schuster.
- Corcoran, M., Greg J. D., Gerald G., & Gurin, P. 1985. Myth and Reality: The causes and persistence of poverty. *Journal of Policy Analysis and Management* 4(4): 516-536.
- Crow, T. J. 1980. "Positive and negative schizophrenic symptoms and the role of dopamine". *British Journal of Psychiatry*. 137: 383–386.
- Dekovic, M., & Gerris, J. R. M. 1992. Parental reasoning complexity, social class, and child rearing behaviors. *Journal of Marriage and the Family*, 54: 678-685.
- Dekovic, M., & Gerris, J. R. M. 1992. Parental reasoning complexity, social class, and child rearing behaviors. *Journal of Marriage and the Family*, 54: 678-685.
- Denison J. 2016. *Inclusive Development for Urban Poor and Bottom 40% Communities in Malaysia*. UKM Ethnic Studies Paper Series, No. 49. Institut Kajian Etnik (KITA): Bangi.
- Dev, Meenu 2016. Factors Affecting the Academic Achievement: A Study of Elementary School Students of NCR Delhi, India. *Journal of Education and Practice*, v7 n4 p70-74.
- Dick,W. & Reiser, R.A. (1989). Planning Effective Instruction. Landon: PrenticeHall.
- Diggle, & Peter, J. (2011). Statistics And Scientific Method: An Introduction For Students And Researchers. Publisher: Oxford University Press, ISBN:9780199543182
- Dworkin, R. 1981. What is equality? Part 2: Equality of Resources. *Philosophy and Public Affairs* 10(3): 283-345.
- Ee Ah Meng (1996). Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng (1998). Pelajar Bermotivasi Pelajar Cemerlang. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.

- Ellington, A. S. (2011). The role of family time on a young child's overall development (Masters disertasi). Retrieved from [http://libcontent1.lib.ua.edu/content/u0015/0000001/0000627/u0015\\_0000001\\_0000627.pdf](http://libcontent1.lib.ua.edu/content/u0015/0000001/0000627/u0015_0000001_0000627.pdf)
- Ernst, L. 1990. Value differences in families of differing socioeconomic status: Implications for family education. *Family Perspectives*, 24(4): 401-410.
- F. Richard Ferraro, 2008. Psychological Resilience in Older Adults Following the 1997 Flood. *Journal Clinical Gerontologist* Volume 26, 2003 - Issue 3-4 Pages 139-14, Published online: 25 Sep 2008
- Fatanah, M. 1997. Perkaitan antara pencapaian akademik dengan faktor personaliti dan persekitaran keluarga di kalangan murid MRSM. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Kedua). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Goodwin, L. 1983. *Causes and Curses of Welfare*. Lexington, MA: Lexington Books.
- Hafizah Abu Samah & Wan Kamal Mujani. 2015. *Prosiding Seminar the Bottom 40: Isu dan Penyelesaian*. Fakulti Pengajian Islam, UKM: Bangi
- Hamidah Yusof and Norasibah Abdul Jalil, 2012. The Relationship Between Family Factors And Motivation With Academic Achievement Of Felda Students. *Journal of Contemporary Issues and Thought*, Vol. 2, 2012.
- Hannigge, 1998. Child & Parent Relationships. *Journal of Family Theory & Review*.
- Harrington, M. 1962. *The Other America*. New York: MacMillan Company.
- Hashima, P. Y., & Amato, P. R. 1994. Poverty, social support and parental behavior. *Child Development*, 65: 394-403.
- Haveman, R. 1987. *Public Policy and Poverty Research: The Great Society and The Social Sciences*. Madison: The University of Wisconsin Press.
- Holloway, J. H. 2003. Addressing the needs of homeless Students. *Educational Leadership* 60(4):89-91.
- Howlett, M. & Ramesh, M. 1995. *Studying Public Policy: Policy Cycles and Policy Subsystems*. New York: Oxford University Press.
- Hurlock, E.B. 1973. Adolescent Development (4th ed). Tokyo: McGraw-Hill Kogakusha Ltd.
- Ibrahim Abu Shah. (Penterjemah Mohd. Anini Mohd Isa). (1995). Kesedaran dan Persepsi Murid Luar Bandar Terhadap Pembangunan Sumber Manusia di Sarawak. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 1-5.
- Indre Gajdosikiene. 2004. Oscar Lewis's culture of poverty: Critique and further development. *Kulturas Sociologija* 1:88-96.

Ismail Reduan (1992). Faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pengajaran dan pembelajaran matematik di kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Akademik*.

Jew, C., Green, K. E. and Kroger, J. (1999). Development and validation of a measure of resiliency. *Measurement and Evaluation in counseling ad development*, 32(2), 75-89.

Kakwani Nanak. 2006. In Response: Poverty and Wellbeing. In the Human Poverty Index: a Multidimensional Measure. Poverty in Focus, International Poverty Centre UNDP: 22-23. <http://undp-povertycentre.org> Tarikh capaian: 20 Januari 2016.

Kamaruddin Husin 1997. Psikologi dalam Bilik Darjah. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.

Kamarudin Hamat 2003. Faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran: Satu tinjauan di kalangan pelajar

Kamarudin, H.1996. Sekolah dan perkembangan kanak-kanak sekolah. Kuala Lumpur: Lohprint Sdn. Bhd.

Kamel Arriffin Mohd Atan (2002). Memperluaskan Peranan Ilmu Matematik dalam Sistem Pendidikan.

Katz, M. B. 1989. *The Undeserving Poor: From the War on Poverty to the War on Welfare*. New York: Pantheon Books.

Keith, S. & Girling R.H, 1991. Education, Management and Participation: New Directions in Educational Administration. Boston: Ally and Bacon.

Kementerian Pendidikan 1973. Laporan Jawatankuasa di atas Kajian Pendapat mengenai Pelajaran dan Masyarakat (Laporan Keciciran)

Lauer, R. H. 1971. The scientific legitimization of fallacy: Neutralizing social change theory. *American Sociological Review* 36: 881-889

Lee Shok Me (1991). Asas Pendidikan Psikologi dalam Bilik Darjah. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Lewis, O. 1966. The culture of poverty. *Scientific American* 215: 19-25.

Loh, S. C., Habibah Elias, Sharifah Mohd Nor, Rahil Mahyuddin, and Jegak Uli. (2004). Effects of strategy instruction and attribution retraining on students academic achievement. *Journal of Educational Research*, 24, 83-91

Lotter, H. P. 2011. *Poverty, Ethics and Justice*. Cardiff: University of Wales Press.

Low, B. P., & Clement, P. W. 1982. Relations of race and socioeconomic status of classroom behavior, academic achievement, and referral for special education. *Journal of School Psychology* 20(2):103-112.

Main,G. (2014). Child poverty and children's subjective well-being. *Child Indicators Research*, York. Retrieved from <http://www.york.ac.uk/inst/spru/research/art/GMcirfeb14.pdf>

- Masita Miskam (2002). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam mata pelajaran di kalangan aliran Matematik pada 29 Nov - 2 Dis. 1993. matematik, Latihan Ilmiah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Mayhew, K. P., & Lempers, J. D. 1998. The relation among financial strain, parenting, parent self-esteem, and adolescent self-esteem. *Journal of Marriage and the Family*, 18 (2): 145-172. McKay Co Inc.
- Miller, W. 1958. Lower class society as a generating milieu of gang delinquency. *Journal of Social Issues* 14(3): 5-19.
- Mohd Fadzli A. B. 2007. Hubungan Antara Pendidikan Agama, Keseimbangan Kognitif dan Tingkahlaku Positif Di Kalangan Murid Darjah Khas Sekolah Agama Di Johor Bahru. Tesis UTM: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Zahir Khasim (2003). *Tinjauan terhadap minat, pengajaran guru, pengaruh keluarga dan tahap pembelajaran pelajar terhadap mata pelajaran matematik di Sekolah Menengah Teknik Butterworth*. Tesis Sarjana Muda Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nathanson, S. 1997. *Economic Justice*. USA: Pearson.
- National Assessment of Educational Progress. 2000. *Reading report card for the nation and states. Office of educational research improvement, Washington, D. C.*: US Department of Education
- Nhamo, S dan Nhamo, G. (2006). Macroeconomics, (Adult) Education, and Poverty Eradication in Southern Africa. *International Review of Education* 52, 305-322.
- Noor Erma, A., & Leong, K. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1–10.
- Noraini, A.A. 1994. Pengaruh cara gaya keibubapaan dan sikap ibu bapa ke atas pencapaian akademik murid sekolah menengah. Tesis Tidak Terbit. Jabatan Pembangunan Keluarga: Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Pertanian Malaysia.
- Norzita Jamil & Siti Hadijah Che Mat. 2014. Realiti kemiskinan: Satu kajian teoretikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(1):167-177. Nota Kuliah, tidak diterbitkan.
- Nurhasanah. 2012. Zakat di Malaysia dalam perspektif ekonomi. *Al-Iqtishad* 4 (1): 81-100.
- Nursuhaili Baharuddin (2010). Hubungan Antara Kemahiran Sosial dengan Tingkah Laku Sosial dalam Kalangan, Tesis Sarjana, UMS.
- Ogburn, W.F. (1964). Culture Lag as Theory and Social Change. In *Culture and Social Change*. Chicago: The University of Chicago Press. 86-95.
- Omardin Ashaari (1996). *Kaedah Pengajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Palumbo, D. J. 1987. *The Politics of Policy Evaluation*. Beverly Hills: Sage.

- Piven, F. Fox. & Cloward A. R. 1971. *Regulating the Poor: The Function of Public Welfare*. New York: Random House Inc.
- Quek Miow Leng (2006). Pengaruh rakan sebaya dengan pencapaian matematik di kalangan pelajar tingkatan 4 di
- Rafael Perez Ribas & Ana Flavia Machado. 2007. *Distinguishing Chronic Poverty from Transient Poverty in Brazil: Developing a Model for Pseudo-Panel Data*. Working Paper #36 <http://www.ipc-undp.org/pub/IPCWorkingPaper36.pdf>. Tarikh capaian: 26 November 2015.
- Rahil Mahyuddin (1995). Psikologi Pembelajaran. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rak, C. F. & Patterson, L. E. 1996. Promoting resilience in at-risk families. *Journal of Counseling & Development*, 74 (4): 368-373.
- Ramos, L., Sanchez, A. R. 1995. Mexican-American High School Students: educational aspirations. *Journal of Multicultural Counseling & Development* 23(4): 212-222.
- Ranis, G., Francis S. & Emma Samman. 2006. Human Development: Beyond the human development index. *Journal of Human Development* 7 (3): 323-358.
- Rawls, J. 1971. *A Theory of Justice*. USA: Harvard University Press.
- Ridzuan Ismail. (2002). Faktor-faktor yang mendorong pencapaian pelajar sekolah menengah agama bagi mata
- Rohani Ahmad Tarmizi (1993). Perspektif pengajaran dalam pembelajaran Matematik, Persidangan Kebangsaan
- Rohaty M. M. 2003. Pendidikan Prasekolah: (Cabaran Kualiti). Syarahan Perdana. Bangi: Penerbitan Malindo Sdn Bhd.
- Rohner, Ronald, P. & Veneziano, R.A, 2001. The Importance of Father Love: History and Contemporary Evidence. American Psychological Association.
- Rohner, Ronald, P. & Veneziano, R.A, 2001. The Importance Of Father Love: History and Contemporary Evidence. American Psychological Association.
- Rozumah, B. 2001. Keluarga Pengaruhi Prestasi Akademik Pelajar. Berita Harian, m.s 16.
- Sabatier, P. 1999. *Theories of the Policy Process*. USA: Westview Press.
- Salawati Hamid (1998). Hubungan minat, sikap, motivasi dan kemahiran asas dengan pencapaian pelajar dalam Selmes, I. (1987). Improving study skills: Changing perspective in education. Hodder a. Stoughton.
- Sang, M. S. 2008. Ilmu Pendidikan Untuk KPLI Sekolah Rendah: Psikologi Pendidikan dan Pedagogi. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Selmes, I.P 1987. Improving Study Skills. London: Holder and Stoughton.

- Sen, A. 1999. *Development of Freedom*. UK: Oxford.
- Sen, A. 2009. *The Idea of Justice*. USA: Belknap, Harvard University Press.
- Sharifah Alwiah Alsagoff 1983. Psikologi Pendidikan Dalam Perspektif Pembangunan Negara. Kuala Lumpur:
- Suraiya Ishak & Ahmad Raflis Omar. 2011. Paradigma baru dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial syarikat milik kerajaan. *Akademika* 81(3): 75-81
- Syuhada Choo Abdullah. (2001). Pencapaian matematik rendah: Persidangan Kebangsaan Pendidikan Matematik di Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional Negeri Johor. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tyagi, H. K. & Kumar, A. 2014. Influence of general mental ability, study habits, reading ability and SES on achievements of students. *International Journal of Education and Extension*, Vol. 2(2).
- UNDP. 2015. Multidimensional Poverty Index. <http://hdr.undp.org/en/content/multidimensional-poverty-index-mpi> dan <http://hdr.undp.org/en/content/table-6-multidimensional-poverty-index-mpi> Tarikh capaian: 24 November 2015.
- UNESCO. 2016. Learning to live together: Poverty. <http://www.unesco.org/new/en/social-and-human-sciences/themes/international-migration/glossary/poverty/> Tarikh capaian: 24 November 2015.
- Van Hook, M. P. 1993. Educational aspirations of rural youths and community economic development: Implications for school social workers. *Social Work in Education* 15(4):215-225.
- W.S. Winkel. 1996. Psikologi Pengajaran. Jakarta: Gramedia.
- Weimer, D.L., & Vining A.R. 1999. *Policy Analysis: Concepts and Practice*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Widad Othman (1998). Kaedah Mengajar Lukisan Kejuruteraan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Wong, M. G. 1990. The education of white, Chinese, Filipino, and Japanese students: A look at high school and beyond. *Sociological Perspectives* 33(3):355-374.
- Zarinah, A. & Rozumah, B. 2011. Perkaitan antara faktor sosioekonomi dan kualiti tingkah laku keibubapaan dalam keluarga berisiko. *Jurnal Kemanusiaan* bil.17, Jun 2011. Universiti Putra Malaysia.
- Zukina. Y. 2003. Hubungan Antara Latar Belakang Keluarga Dengan Pencapaian Akademik Murid Melayu Dalam PMR. Tesis Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan) Universiti Utara Malaysia.
- Zulkifli A.H, Jamilah. O, Aminah. A. & Ismi A.I, 2011. Hubungan Antara Penglibatan Ibubapa Dan Pencapaian Akademik Murid Miskin Di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 31-40. Universiti Putra Malaysia.
- Zuraidah Abdullah (2010), Profil Komuniti Pembelajaran Profesional Sekolah Menengah Di Malaysia. Tesis Ph.D Universiti Malaya.